

Headline **Uji bakat Adam The Musical**
Date **12 Nov 2009**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Kosmo 2**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **37**
Article Size **87 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **756**
PRValue **2,269**




Uji bakat *Adam The Musical*

JIKA anda boleh menyanyi, menari dan berlakon, jangan sia-siakan bakat yang dimiliki itu. Mana tahu anda bakal bergelar anak seni di pentas teater yang berjaya suatu hari nanti.

Impian anda mungkir menjadi kenyataan apabila Kuala Lumpur Performing Arts Centre kini sedang mencari individu-individu yang berminat untuk melibatkan diri dalam pementasan *Adam The Musical*.

Teater muzikal yang diarahkan oleh Joe Hafsham dengan kerjasama The Actors Studio dan Yayasan AIDS Malaysia itu bakal mengadakan pementasannya yang dijarigka pada Mei 2010.



Pihak produksi *Adam The Musical* sedang mencari sesiapa yang berminat untuk menghadiri uji bakat tersebut. Berikut butir-butir uji bakat itu.

● **Tarikh:** 17 November dan 19 November.
● **Tempat:** Kuala Lumpur Performing Arts Centre.

● **Waktu:** 7.30 malam

Orang ramai yang ingin menjalani uji bakat mesti menyediakan sebuah lagu sama ada *minus one* atau *acapella* serta menampilkan stail dan kebolehan nyanyian tersendiri.

Tidak dilupakan, peserta hendaklah menyiapkan monolog untuk dipersembahkan selama tiga minit. Mereka juga perlu membawa kasut tarian sendiri.

Uji bakat itu diadakan setelah anda membuat temu janji terlebih dahulu dengan menghubungi Sesha di talian **03-4047 9031** atau **016-237 4262** untuk mendapatkan slot.